

# MAJLIS BERBUKA PUASA MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA 2019

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5030-majlis-berbuka-puasa-markas-pemerintahan-operasi-udara-2019](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5030-majlis-berbuka-puasa-markas-pemerintahan-operasi-udara-2019)

KUALA LUMPUR, 24 Mei 19 - Majlis berbuka puasa pegawai-pegawai naungan Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU) bersama Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutualib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM telah diadakan di Wisma Perwira ATM.

Seramai 80 orang pegawai MPOU serta unit-unit di bawah pemerintahan iaitu JKO, AWC TUDM, EWSC selain POTU (A3) telah hadir bersama-sama memeriahkan majlis tersebut.

Para pegawai juga turut mengambil kesempatan untuk bertemu dan beramah-mesra sebelum masing-masing mengambil cuti panjang sempena sambutan aidilfitri kelak.

Selesai majlis, Panglima telah mengambil masa bersama-sama pegawai-pegawai MPOU untuk mengucapkan selamat hari raya aidilfitri serta berhati-hati di jalan raya. Beliau juga turut merakamkan jutaan terima kasih atas penganjuran majlis iftar tersebut dan berharap majlis seumpama itu akan dapat diteruskan lagi pada masa hadapan.

